

Dasar Pembelajaran dan Perkembangan Global

September 2021

Dasar ini boleh dipinda dari semasa ke semasa.

Perubahan akan dimaklumkan kepada pengurus dan pekerja.

Dasar milik HR

V1.0

Ini adalah dasar global



PENGENALAN

Semasa bekerjasama untuk mencapai cita-cita yang ditetapkan dalam rangka kerja We are Weir, kita semua berpeluang mengembangkan cara kita sendiri – untuk menyahut cabaran baharu, meneroka bidang baharu, belajar, maju dan cemerlang. Dasar Pembelajaran dan Perkembangan Global ini menetapkan pendekatan utama kami terhadap pembelajaran, dan yang paling penting, kami mahu adakan pendekatan inklusif dan konsisten di seluruh Weir. Manakala jenis pekerjaan yang kita lakukan dan persekitaran tempat kita bekerja adalah pelbagai, etos kami tetap sama: kami bersedia membantu anda berkembang mengikut cara anda sendiri dan menyumbang kepada kejayaan Weir.

Akhirnya, tiada orang yang lebih berminat untuk membangunkan kerjaya anda selain anda sendiri. Kami akan membantu dengan memberikan panduan, alatan, kandungan dan program pensijilan. Kami juga akan memberitahu dengan jelas tentang sebarang pembelajaran dan perkembangan wajib yang mesti dilakukan agar anda dapat melaksanakan tugas anda.

Anda dan pengurus anda akan membincangkan prestasi anda dan bersama-sama anda mungkin bersetuju dengan pembelajaran khusus yang akan dijalankan. Walau bagaimanapun, dalam hal menyelesaikan pembelajaran yang diperlukan dan memajukan perkembangan diri anda, hal itu di bawah tanggungjawab anda.

SIAPAKAH YANG TERANGKUM DALAM DASAR INI?

Dasar ini digunakan untuk semua orang yang bekerja untuk kami (termasuk pekerja, kontraktor, pekerja luar jangka, perunding, penasihat, sukarelawan, perantis, pekerja sementara dan pekerja agensi).

Beberapa peruntukan Dasar berbeza untuk setiap kategori pekerja. Lebih banyak maklumat diberikan di bawah dan yang penting dalam dasar pembelajaran tempatan yang digunakan untuk lokasi anda. Anda boleh mengakses dasar pembelajaran tempatan anda melalui Pangkalan Pengetahuan HR ServiceNow.

APAKAH SKOP DASAR INI?

Dasar ini luas, untuk mengambil kira banyak tugas yang terdapat di Weir dan persekitaran yang berbeza di tempat kami beroperasi.

Pembelajaran dan perkembangan merangkumi banyak jenis aktiviti, sebahagian daripadanya dinyatakan di bawah.

- 1) Pembelajaran wajib - untuk memenuhi keperluan perundangan, peraturan atau kepatuhan.
- 2) Proses lantikan/suai tugas.

- 3) Latihan Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran (SHE).
- 4) Pembelajaran teknik untuk tugas tertentu.
- 5) Latihan berkaitan dengan kecekapan kerja.
- 6) Latihan/pembelajaran semasa kerja dan membayangi kerja.
- 7) Pembelajaran diperlukan oleh pelanggan atau khusus pelanggan.
- 8) Pensijilan Profesional dan Perkembangan Profesional Berterusan (CPD - Continuous Professional Development).
- 9) Pembelajaran tertumpu pada kepelbagaiannya tenaga kerja kita dan cara mempromosikan suasana inklusif di tempat kerja.
- 10) Pembelajaran bertujuan untuk mengembangkan kemampuan penyeliaan, pengurusan dan kepemimpinan (lihat Rangka Kerja Kepemimpinan kami).
- 11) Kemahiran insaniah - mengembangkan sifat peribadi untuk meningkatkan interaksi anda dengan rakan sekerja, pelanggan dan pembekal.
- 12) Latihan kesatuan sekerja dan wakil pekerja.
- 13) Kursus universiti atau kolej (program tajaan tempatan mungkin diguna pakai - rujuk dasar pembelajaran tempatan anda atau hubungi HR).

MENGENAL PASTI KEPERLUAN PEMBELAJARAN DAN PERKEMBANGAN

Beberapa faktor diguna pakai dalam mengenal pasti perkara penting. Perkara yang jelas dan nyata ialah matlamat strategik pendekatan We are Weir. Apakah pengetahuan, kemahiran, budaya dan cara bekerja yang akan menyokong perkara ini?

Kedua, terdapat banyak kewajipan pembelajaran yang timbul daripada keperluan perundangan, peraturan dan pelanggan.

Kadangkala, latihan pakar yang disasarkan hanya diperlukan untuk bahagian tertentu daripada perniagaan kita, bagi membolehkan pekerja memulakan kerja dengan menggunakan proses baharu atau pendekatan teknik.

Pertimbangan lain ialah rancangan perkembangan hasil daripada perbincangan prestasi anda dengan ketua anda, dalam bentuk rancangan perkembangan peribadi dan rancangan peningkatan prestasi.

PROSES DAN PEMIAWAIAN

Untuk memastikan semua warga kerja mendapat akses yang sama rata, kami berusaha untuk menempatkan semua sumber pembelajaran dan perkembangan pada satu tempat. Akhirnya, anda akan dapat menempah dan merekodkan semua kehadiran pembelajaran pada WorkDay. Rekod ini akan dapat anda dan pengurus anda lihat. Kerja ini sedang dilaksanakan, oleh itu sila semak dasar pembelajaran tempatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perkara yang diguna pakai di lokasi anda, apabila kita beralih kepada pemiaawaian penuh.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas anda ialah memikul tanggungjawab terhadap pembelajaran dan perkembangan anda sepanjang tahun.

Anda tentu mahu:

- 1) Rancang: pastikan anda merancang pembelajaran yang diperlukan untuk menepati tarikh akhir yang perlu.
- 2) Bersedia: meneliti kemajuan yang anda capai, maklum balas yang anda terima daripada rakan sekerja dan bersedia untuk mesyuarat semakan dengan pengurus anda.
- 3) Kongsi: bersikap terbuka tentang kerjaya dan aspirasi pembelajaran anda serta perkara yang mendorong anda. Cara ini akan membantu pengurus anda untuk bekerjasama dengan anda dan menyokong pembelajaran anda.

Pengurus anda bertanggungjawab melatih dan menyokong anda semasa anda memajukan diri dalam tugas semasa dan tugas masa depan. Mereka bersedia membantu untuk memberikan dorongan dan bimbingan semasa anda mengenal pasti keperluan perkembangan bersama.

Melalui persetujuan dengan anda tentang bahagian yang perlu anda tumpukan usaha, dan dengan memberikan maklum balas, pengurus anda boleh menyokong kemajuan pembelajaran anda.

Rakan Pembelajaran tempatan anda boleh memberikan nasihat tentang sumber yang tersedia dan Penyelaras Pembelajaran atau Sumber Manusia tempatan anda akan mengurus permintaan untuk sebarang kursus yang terdapat had bilangan tempat bagi setiap sesi.

KATEGORI PEMBELAJARAN DAN PERKEMBANGAN

Terdapat pelbagai sebab untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan perkembangan. Sebagai ringkasan, kami telah kategorikan seperti di bawah. Sebab untuk memulakan pembelajaran anda akan membantu anda menyusun keutamaan: beberapa item telah ditetapkan tarikh wajib disiapkan, sementara item lain boleh disiapkan mengikut rentak anda sendiri.

Pembelajaran yang Diperlukan

- merangkumi latihan yang **mesti** diikuti agar anda dapat melaksanakan tugas anda sekarang
- mungkin diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan atau pematuhan, seperti latihan SHE
- merangkumi kemahiran atau maklumat tertentu yang perlu anda pelajari untuk melakukan pekerjaan anda sekarang, sebagai contoh, mungkin anda perlu menyelesaikan latihan sebelum memasuki tapak Syarikat atau pelanggan
- pengurus anda boleh menetapkan pembelajaran sebagai sebahagian daripada tindakan pembetulan/rancangan peningkatan prestasi (PIP - performance improvement plan) jika prestasi anda di tempat kerja tidak memenuhi piawaian yang perlu
- **pembelajaran yang diperlukan itu merupakan keutamaan pembelajaran teratas, oleh itu anda perlu merancang untuk melaksanakannya dan mengelakkan daripada menangguhkan pembelajaran itu hingga saat-saat akhir. Tarikh akhir atau tempoh semakan akan ditetapkan, yang biasanya tidak boleh ditunda.**

Perkembangan Kerjaya Berbimbing

- merangkumi pembelajaran dan perkembangan yang dibincangkan dengan pengurus anda dengan tumpuan adalah untuk berkembang sesuai dengan cita-cita kerjaya anda
- jika anda baru menjalankan tugas ini, mungkin ada matlamat perkembangan untuk terus berkembang dalam tugas tersebut
- selepas mahir hal tugas, perkembangan selanjutnya membantu anda meningkatkan prestasi anda daripada 'baik' kepada 'cemerlang'!
- jika anda sudah lama menggalas tugas anda, hal ini dapat membantu anda menyiapkan diri untuk berpindah kerjaya dengan jawatan yang sama atau naik pangkat dalam kerjaya
- **jenis pembelajaran ini menjadi keutamaan anda seterusnya dan pengurus anda boleh menetapkan tarikh akhir dan tempoh semakan bersama anda**
- **secara amnya, pembelajaran ini boleh ditangguhkan jika keperluan perniagaan memerlukan, sebagai contoh, pada waktu puncak tahun ini.**

Perkembangan Terarah Sendiri

- merangkumi pembelajaran lain yang anda laksanakan secara sukarela
- katalog pembelajaran yang cukup banyak di hujung jari anda
- anda mungkin ingin mengikuti kursus mengenai perkara yang tidak dibincangkan secara khusus dengan pengurus anda, tetapi anda rasa akan berguna bagi anda
- mungkin anda berminat untuk bekerja dalam bidang perniagaan kami yang lain dan anda ingin mengikuti beberapa latihan
- walau apa juga topiknya, anda boleh tentukan masa anda bersedia untuk belajar
- **bincangkan dengan pengurus anda tentang peluang yang boleh digunakan semasa waktu kerja untuk perkembangan terarah sendiri. Anda juga boleh belajar mengikut waktu anda sendiri, di rumah menggunakan peranti mudah alih (jika ada). Jika anda ingin datang ke lokasi untuk mengikuti pembelajaran secara sukarela, pada waktu anda tidak dijadualkan bekerja, rujuk dasar pembelajaran tempatan anda untuk mendapatkan maklumat. Anda mungkin diminta memberitahu, atau menyetujui perkara ini dengan pengurus anda. Mungkin ada keperluan SHE yang penting juga.**

BERKEMBANG MENGIKUT CARA ANDA SENDIRI

TANGGUNGJAWAB ANDA UNTUK MENYELESAIKAN PEMBELAJARAN YANG DIPERLUKAN

Kita masing-masing mempunyai 'pembelajaran yang diperlukan' yang mesti kita selesaikan. Sebagai contoh, mungkin terdapat pembelajaran global yang kita semua sertai, pembaharuan sijil pembelajaran tahunan yang diperlukan atau latihan khusus untuk melawat tapak pelanggan atau mengendalikan peralatan. Walau apa juga jadual pembelajaran yang diperlukan, penting untuk anda selesaikan tepat pada waktunya. Jika anda menjangkakan sebarang masalah untuk menepati tarikh akhir, anda perlu memberitahu pengurus anda secepat mungkin – jangan tunggu sehingga tarikh cukup tempoh untuk membangkitkan masalah tersebut.

PERKEMBANGAN KERJAYA TERBIMBING

Untuk mencapai pembelajaran dan perkembangan yang paling berjaya, penting untuk anda pertimbangkan tahap semasa anda dalam kerjaya anda. Adakah anda baru memulakan tugas baharu? Adakah anda sudah menggalas tugas buat beberapa lama dan ingin memajukan kerjaya anda? Adakah anda ingin membuat pengkhususan dalam bidang semasa anda?

Pengurus anda juga akan mempertimbangkan jenis perkembangan yang diperlukan untuk kejayaan Syarikat. Adakah teknologi baharu diperkenalkan, yang memerlukan kami melatih pekerja? Adakah hala tuju perniagaan berubah dalam jangka masa sederhana dan kita perlu meningkatkan kemahiran? Adakah terdapat beberapa latihan tempatan tertentu yang diperlukan – dengan pembelajaran yang disasarkan akan membantu pencapaian perniagaan kita?

Secara amnya, perkara yang penting adalah mendapatkan keseimbangan yang betul: hal ini berkaitan dengan menilai keperluan dan kehendak pembelajaran anda selaras dengan keperluan perniagaan. Cara ini menjamin bahawa anda dapat belajar melalui cara yang juga boleh menyumbang kepada kejayaan Weir.

Semua unsur ini dalam kerjaya anda, serta prestasi semasa anda, akan diambil kira apabila mempertimbangkan rancangan pembelajaran anda atau Rancangan Perkembangan Peribadi (PDP - Personal Development Plan). Anda akan membincangkan perkara ini dengan pengurus anda dan membuat rancangan bersama, yang membolehkan anda tahu dengan jelas tentang keutamaan anda dan langkah seterusnya.

Jenis pembelajaran ini akan diikuti secara fleksibel – dari semasa ke semasa, rancangan perkembangan anda boleh berubah atau ditangguhkan untuk menangani masa puncak di tempat kerja.

PERKEMBANGAN TERARAH SENDIRI: FLEKSIBEL, AGAR SESUAI DENGAN HIDUP YANG KITA JALANI

Kami telah berusaha untuk menjadikan pengalaman pembelajaran anda sebagai tumpuan pendekatan kami dan sumber yang kami tawarkan benar-benar fleksibel. Sebilangan besar pembelajaran yang tersedia boleh dimulakan pada bila-bila masa, bila sesuai untuk anda dan tanpa sebarang kos. Dengan Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS - Learning Management System) Percipio dan Workday kami, anda boleh mengakses terus pembelajaran tersebut. Anda boleh mengakses sumber ini di tempat kerja dan di rumah (jika anda boleh mengakses peranti mudah alih).

Anda digalakkan untuk meneroka kursus yang ada dan jika mahu, anda boleh memilih untuk mengikuti kursus yang tidak berkaitan dengan pekerjaan anda sekarang. Jenis pembelajaran ini bersifat sukarela, tiada kewajipan untuk memulakan perkembangan terarah sendiri, selain pembelajaran dan perkembangan yang disertakan untuk pekerjaan anda.

Sudah tentu, mungkin terdapat keadaan apabila kehidupan di rumah atau di tempat kerja anda sangat sibuk dan tidak sesuai untuk anda memikirkan tentang hal memulakan sebarang pembelajaran sukarela. Atau, anda mungkin mula mengikuti kursus dan harus menangguhkannya; hal itu tidak menjadi masalah. Anda boleh menyesuaikan perkembangan terarah sendiri agar sesuai dengan keadaan anda.

PENDEKATAN INKLUSIF

Weir menganggap amat penting untuk memberikan kesamaan akses dan peluang kepada semua.

Persekutuan kerja kita, waktu sibuk puncak dan penyebaran kemahiran sememangnya berlainan, oleh itu tidak sesuai untuk menetapkan panduan global yang amat khusus untuk pembelajaran. Atas sebab ini, kami juga telah menghasilkan dasar tempatan, yang memenuhi secara khusus untuk lokasi anda. Anda boleh mendapatkan dasar tempatan yang berkaitan melalui Pangkalan Pengetahuan HR ServiceNow.

MEMBUAT PELARASAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA

Jika anda mempunyai keadaan perubatan, hilang upaya atau keperluan khas yang mungkin memberikan kesan kepada cara anda belajar, sila beritahu pengurus anda atau HR. Kami akan sentiasa berusaha untuk memenuhi apa-apa keperluan individu dan akan bekerjasama dengan anda bagi menyesuaikan jadual dan penyampaian pembelajaran anda demi membantu anda.

KELULUSAN

PEKERJA

Jika anda seorang pekerja, terdapat banyak kursus yang anda tidak memerlukan kelulusan - anda boleh terus mengikuti kursus dan memanfaatkan sumber yang kami tawarkan. Hal ini diguna pakai untuk pembelajaran digital yang boleh didapati melalui Workday dan Percipio.

Untuk pembelajaran campuran - iaitu bahan pendidikan dalam talian digabungkan dengan kaedah tradisional yang dipimpin oleh pengajar - anda mungkin memerlukan kelulusan. Semak dasar pembelajaran tempatan anda untuk melihat perincian. Secara amnya, jika terdapat kos yang berkaitan dengan kursus, anda memerlukan kelulusan pengurus anda.

Jika anda berminat untuk menghadiri seminar atau persidangan sebagai sebahagian daripada perkembangan profesional yang berterusan (CPD), atau berkaitan dengan tugas anda, anda memerlukan kelulusan daripada pengurus anda.

PEKERJA KONTRAK / PEKERJA LUAR JANGKA DAN PEKERJA AGENSI

Pekerja luar jangka / pekerja kontrak dan pekerja agensi mungkin memerlukan kelulusan untuk sebarang jenis pembelajaran - sila semak dengan orang hubungan Weir anda **sebelum** memulakan sebarang pembelajaran dengan Weir.

URUSAN PEMBAYARAN BALIK

Rujuk dasar pembelajaran tempatan anda untuk mendapatkan maklumat tentang sebarang kewajipan pembayaran balik (kadang-kadang dikenali sebagai 'work-back (kerja balik)', 'claw-back (tarik balik)' atau 'terms of training commitment' (komitmen syarat latihan') yang mungkin diguna pakai. Urusan begini mungkin diguna pakai apabila siri pengajian pendidikan telah dibiayai oleh Weir untuk anda. Anda boleh menghubungi HR untuk mendapatkan maklumat lanjut.

MAKLUMAT BERKAITAN

DASAR PEMBELAJARAN TEMPATAN

Sila baca dasar pembelajaran tempatan anda yang boleh didapati melalui Pangkalan Pengetahuan HR ServiceNow. Pangkalan ini menyimpan maklumat khusus untuk lokasi anda dan sebarang peraturan terperinci yang diguna pakai.

PEKERJA SEDANG MENJALANI CUTI URUSAN KELUARGA ATAU CUTI SAKIT / CUTI AKUAN DOKTOR

Jika anda dalam tempoh cuti atas urusan keluarga (seperti bersalin, cuti isteri bersalin, cuti penjaga dan lain-lain) atau tidak hadir kerja kerana tidak sihat, anda tidak perlu mengikuti sebarang pembelajaran atau latihan. Apabila anda bersiap sedia untuk kembali bekerja, anda harus menghubungi pengurus anda untuk menyemak sama ada terdapat pembelajaran penting yang perlu anda ikuti sebaik sahaja anda kembali bekerja.

PERJALANAN DAN SARA DIRI

Jika anda melakukan perjalanan untuk menghadiri program latihan, sila rujuk dasar tempatan anda untuk mendapatkan maklumat tentang perjalanan dan sara diri.

DASAR DAN MAKLUMAT LAIN

Pastikan anda merujuk Pangkalan Pengetahuan HR ServiceNow, untuk melihat dasar pembelajaran tempatan anda dan juga dasar atau garis panduan lain yang diguna pakai. Contohnya, mungkin terdapat peluang pembiayaan untuk pendidikan atau cuti kerja berbayar untuk pembelajaran. Jika anda mempunyai pertanyaan mengenai Dasar ini, sila ajukan kepada pengurus anda atau dapatkan maklumat hubungan HR melalui Pangkalan Pengetahuan HR ServiceNow.

PENILAIAN, MAKLUM BALAS DAN KEBERKESANAN

BAGAIMANAKAH PRESTASI KAMI?

Kami menilai secara berterusan akan sejauh mana latihan dan pembelajaran yang diberikan dapat membantu anda mengembangkan dan meningkatkan kemahiran. Sumbangan anda penting. Anda mungkin diminta memberikan maklum balas mengenai kursus yang telah anda lengkapkan atau ambil bahagian dalam tinjauan. Walau apa juga pendekatan yang digunakan, sila ambil bahagian dan kongsikan pandangan anda secara membina.

Dengan data dan penilaian yang baik, kami dapat mengatur daya usaha pembelajaran dan perkembangan tempatan, menasarkan sumber kami kepada bahagian yang paling bermanfaat. Kami boleh menentukan bahagian yang berfungsi dengan baik dan bahagian yang boleh kami tingkatkan.

Kami mempunyai pelbagai tenaga kerja, oleh itu akan ada keperluan, pilihan dan gaya pembelajaran yang berbeza - bantu kami menjadi lebih inklusif dengan menyuarakan pendapat anda kepada kami.

**Manfaatkan sepenuhnya bahan yang kami tawarkan untuk
Berkembang Mengikut Cara Anda Sendiri.**